



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Sabtu, 11 Februari 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

600,000 telur ayam untuk Ramadan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
BERITA HARIAN	NASIONAL	22

600,000 telur ayam untuk Ramadan

Kuala Terengganu: FAMA Terengganu akan menambah bekalan telur ayam sebanyak 20,000 papan mengandungi 600,000 biji sepanjang Ramadan bulan depan.

Permintaan telur ayam dijangka meningkat sepanjang Ramadan ini berikutan ramai pengguna terutama peniaga menggunakannya untuk menyediakan juadah berbuka puasa.

Pengarah FAMA negeri, Nukman Hashim, berkata perbincangan sudah dilakukan dengan

pengeluar telur ayam di Melaka untuk menambah bekalan sepanjang Ramadan.

"Perbincangan sudah dibuat untuk menambah bekalan daripada 3,000 papan mengandungi 90,000 biji seminggu kepada 5,000 papan mengandungi 150,000 biji seminggu sepanjang Ramadan.

"Pengedaran akan dibuat di Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Agrobazaar Rakyat (ABR) dan usahawan pasar tani," katanya selepas membuat tinjauan di Pasar

Tani Chendering, semalam.

Nukman berpuas hati apabila usahawan pasar tani menurunkan harga jualan pelbagai jenis barangan, termasuk ikan dan sayur antara RM2 dan RM5.

Mengulas lanjut, Nukman berkata, sejak berlaku krisis bekalan telur ayam Disember lalu, FAMA sudah mengedarkan kira-kira 340,000 biji ke AKR dan ABR seluruh negeri.



FAMA negeri akan menambah bekalan telur ayam daripada 360,000 biji sebulan kepada 600,000 sepanjang Ramadan akan datang. (Foto Baharom Bakar/BH)

Dalam perkembangan berkaitan, Nukman berkata, pihaknya akan mempertimbangkan cadangan peniaga tani untuk diberi bekalan telur untuk diedarkan.

Bagaimanapun, katanya, FAMA akan membantu usahawan pasar tani untuk mendapatkan bekalan telur ayam daripada pemborong untuk dijual di pasar tani di seluruh negeri.

Namun demikian usahawan pasar tani diminta menjual harga telur ayam seperti ditetapkan kerajaan iaitu RM13.50 bagi gred A, RM12.90 (gred B) dan RM12.30 gred C.

Peniaga 'pening' cari telur untuk buat kuih raya

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Peniaga 'pening' cari telur untuk buat kuih raya

PETALING JAYA: Bekalan telur dijangka terus bermasalah menjelang Ramadan dan Aidilfitri, sekali gus menjejaskan peniaga kuih yang menggunakan sumber protein tersebut sebagai bahan utama menghasilkan kuih dan biskut.

Seorang pemilik ladang telur dihubungi berkata, pihaknya menjangkakan pengeluaran di ladangnya menyusut 150,000 biji sehari berbanding 650,000 biji sehari bagi pengeluaran normal akibat kekurangan modal pusingan memasukkan induk ayam atau parent stock (PS) lebih awal.

"Bulan Mac tahun ini baru kami bawa masuk PS baharu. Jadi untuk makluman, kitaran pengeluaran telur di ladang

kami sekarang sudah terganggu.

"Sebab, sepatutnya bulan Disember 2021 atau Januari tahun ini kami masukkan PS, tapi terpaksa dianjak ke Mac," katanya semalam.

Sedangkan, kata beliau, peniaga kuih sudah datang membuat tempahan di ladang namun malangnya mereka 'pening' sebab ladang tidak mampu bekalkan telur diminta.

"Saya bercakap dengan tiga, empat pelanggan. Mereka mahu tempah telur untuk bulan puasa buat kuih raya. Mereka beritahu, mereka penat pergi ladang lain pun, tiada yang boleh beri komitmen bekalkan telur mengikut keperluan," katanya.

Pengarah Urusan Mydin, Da-

tuk Ameer Ali Mydin berkata, pihaknya juga menjangkakan kekurangan bekalan telur akan berlarutan sehingga Ramadan dan Aidilfitri tahun ini.

Katanya, telur import India tidak dapat menampung kekurangan bekalan bagi musim Ramadan dan Aidilfitri.

Pada masa sama, peruncit telur di Semenyih turut menjangka perkara sama.

Norazlina Jais, 50, berkata, ini kerana bekalan sumber protein itu masih bermasalah sampai sekarang jadi menjelang Ramadan kekurangan itu lebih meruncing.

"Bekalan telur memang tak cukup, ladang memang beritahu tapi kedai saya dapat bekalan sebab bayar lebih sikit," katanya.

Menu Rahmah untuk kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Menu Rahmah untuk kucing

SEGAMAT: Seorang peniaga makanan kucing memperkenalkan paket 'Makanan Kucing Rahmah' dengan menjualnya pada harga RM4 sebungkus sejak dua minggu lalu.

Hamisah Abd. Hamid, 55, berkata, inisiatif itu menerima sambutan baik dan menarik ramai pelanggan termasuk dari luar daerah ini ke kedainya.

"Sebelum ini saya menjual sebungkus makanan kucing yang mengandungi perisa ikan dan campuran perisa ikan laut dengan berat 300 gram (g) hingga 400g pada harga RM4.50 dan RM4.80.

"Konsep Menu Rahmah itu tidak harus dikecilkan hanya bagi makanan manusia. Ini kerana pembelian makanan haiwan juga memberi impak ekonomi kepada pencinta haiwan tersebut.

"Pengusaha produk lain seawajarnya turut serta supaya dapat dinikmati semua golongan masyarakat terutama sekali golongan B40," katanya ketika ditemui di kedai runcitnya di Kampung Pogoh, di sini, semalam.

Hamisah berkata, langkah

memperkenalkan 'Makanan Kucing Rahmah' juga dapat membantu lebih ramai pencinta haiwan untuk bersedekah kepada kucing jalanan.

"Walaupun menawarkan bungkusan makanan kucing dengan harga lebih rendah, saya masih memperoleh keuntungan. Pada hari pertama, sebanyak 50 paket bungkusan makanan kucing dijual dalam masa 40 minit sahaja.

"Saya terkejut dengan sambutan ini. Jadi, saya tambah bekalan dankelmarin, 65 bungkus dijual serta akan tambah jika permintaan meningkat," katanya sambil memberitahu setiap belian dihadkan dua bungkus sahaja bagi memberi peluang kepada pelanggan lain.

Sementara itu, seorang pelanggan, Umar Othman, 53, berpuas hati dengan harga Makanan Kucing Rahmah yang ditawarkan itu.

"Saya baru tahu mengenai kewujudan Makanan Kucing Rahmah ini dan baru kali pertama membelinya. Bagi saya, harga RM4 ini sangat berbaloi dan lebih jimat," katanya.